

**Program subsidi beras untuk rakyat diteruskan
Malaysiakini.com
July 20, 2010**

Program Subsidi Beras untuk Rakyat (SUBUR) akan diteruskan bagi memastikan golongan sasaran dapat menikmati subsidi beras daripada kerajaan.

Kerajaan tidak bercadang memberhenti atau menggantikan program itu, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Chua Tee Yong pada sesi soal jawab persidangan Dewan Negara hari ini.

Beliau berkata sehingga 25 Mei lalu, kementerian itu menerima 514,993 permohonan baru bagi program SUBUR yang dikemukakan oleh semua 222 urusetia Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen (MPPP).

"Senarai nama yang telah diperaku di peringkat MPPP ini merupakan tapisan peringkat awal dan akan disemak dengan lebih terperinci bagi memastikan kesahihannya," katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Senator Pau Chiong Ung yang ingin tahu sama ada program SUBUR masih dilaksana dan jika ia tiada lagi apakah rancangan kementerian untuk menggantikannya.

Chua (kanan) berkata semakin terperinci terhadap senarai nama yang dikemukakan akan dibuat bagi memastikan hanya golongan yang benar-benar layak mendapat bantuan dan manfaat daripada program itu.

Beliau berkata pada 20 Nov lepas kerajaan memutuskan untuk menangguhkan pelaksanaan program SUBUR susulan aduan dan rungutan daripada orang ramai yang mengatakan senarai kumpulan sasaran dalam sistem e-Kasih tidak merangkumi semua golongan layak.

Penangguhan itu perlu bagi membolehkan kementerian dengan kerjasama Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perangkaan serta agensi lain yang berkaitan menyemak dan membuat pengesahan senarai nama dalam e-Kasih dan memasukkan nama keluarga yang tercicir.

"Oleh itu, kementerian sedang berusaha mengemaskini senarai penerima dan mekanisma pelaksanaan SUBUR dan akan memperakukan semula untuk persetujuan pihak kerajaan," katanya.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/137839>